

0671

U B878 DEB
MAHATHIR - UMNO R R R

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI BERTANGGUNGJAWAB MEMIMPIN RAKYAT KE ARAH KEBAHAGIAAN MESTI KEKAL SEBAGAI TERAS BARISAN NASIONAL, KERAJAAN DAN NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, BELIAU MENGAJAK ANGGOTA PARTI ITU MERENUNG KE HADAPAN DAN MENJADIKAN UMNO SEBAGAI CONTOH KEPADA RAKYAT.

+JANGANLAH KITA KELIRUKAN RAKYAT DENGAN BERCAKARAN SESAMA SENDIRI, BEREbut-BEREbut MENDAPAT TEMPAT DAN MENGGUNAKAN WANG UNTUK KEPENTINGAN DIRI,+ KATA PRESIDEN UMNO.

BELIAU KHUATIR JIKA AMALAN SEDEMIKIAN BERTERUSAN SEGALA USAHA AKAN MENJADI SIA-SIA SAHAJA MENGAKIBATKAN +YANG DIKEJAR TAK DAPAT, YANG DIKENDONG BERCICIRAN.+

PERDANA MENTERI JUGA MENGINGATKAN RAKYAT AGAR JANGAN MUDAH DIBELI DENGAN WANG DAN TIDAK MENGANGAP DEMOKRASI SEBAGAI ALAT UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN YANG BERLEBIH-LEBIHAN.

KERAJAAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN HANYA INGIN POPULAR, BERBELANJA BERLEBIH-LEBIHAN DAN AKAN MENJADIKAN NEGARA BANKRAP, KATANYA. -- LAGI.

1111MST 17 11 89

U B879 DEB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR R R R

DALAM UCAPANNYA SELAMA HAMPIR SATU SETENGAH JAM YANG BERTEMAKAN +KEWIBAWAAN UMNO+ DATUK SERI DR MAHATHIR MENYOROTI PERGOLAKAN DALAM UMNO SEJAK IA DIISYTIHARKAN TIDAK SAH OLEH MAHKAMAH PADA 4 FEB 1988.

KATANYA, UMNO KINI PULIH SEPENUHNYA DENGAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DARIPADA ORANG MELAYU UMUMNYA DAN PENGUNDI MELAYU KHASNYA SEPERTI TERBUKTI DALAM BEBERAPA PILIHAN RAYA KECIL.

UMNO KINI MEMPUNYAI LEBIH RAMAI ANGGOTA YANG BERWIBAWA DAN MEMBUKA PINTU KEPADA SEMUA ORANG MELAYU TERMASUK MEREKA YANG TELAH MENGHERET PARTI KE MAHKAMAH.

+KITA PERCAYA MEREKA TIDAK AKAN BERANI MENGULANGI SESUATU YANG AKAN MENYEBABKAN UMNO DIHUKUM TIDAK SAH SEKALI LAGI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERLEMBAGAAN DAN DISIPLIN PARTI AKAN DIKUATKUASAKAN KE ATAS SEMUA ANGGOTA, KATANYA. -- LAGI.

1114MST 17 11 89

D675

U B880 AAB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERLEMBAGAAN UMNO SEJAK DAHULU LAGI MEMPUNYAI SEMUA PERUNTUKAN UNTUK MENYELESAIKAN APA-APA MASALAH DALAM PARTI.

WALAUPUN PERLEMBAGAAN PARTI TIDAK BOLEH MENGATASI UNDANG-UNDANG NEGARA, TETAPI DENGAN MENYERTAI UMNO, SETIAP ANGGOTA MELETAKKAN DIRINYA DI BAWAH PERLEMBAGAAN PARTI.

+INI BERMAKNA BAHAWA KITA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PARTI DAN PERJUANGANNYA YANG DITENTUKAN MELALUI SUARA RAMAI,+ KATA BELIAU.

PERBUATAN MENGHANCURKAN PARTI KERANA TIDAK BERSETUJU DENGAN SUARA RAMAI, MEMBELAKANGKAN JENTERA PARTI UNTUK Mencari penyelesaian dan perbuatan menghalang perjalanan parti menunjukkan seseorang itu tidak faham selok-belok berparti dan konsep suara ramai dalam parti yang demokratik.

SEBENARNYA MENGIKUT PERLEMBAGAAN PARTI, TIDAK TERDAPAT WAKIL YANG TIDAK SAH PADA PERHIMPUNAN AGUNG 1987, KATA BELIAU.

PERLEMBAGAAN PARTI MEMBERI KUASA KEPADA MAJLIA TERTINGGI (MT) MENENTUKAN KESAHIHAN WAKIL-WAKIL DAN TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA ANGGOTA UMNO MEMBUAT PENGADUAN TENTANG APA-APA MASALAH SEBELUM PERHIMPUNAN ITU.

DALAM SEBUAH PARTI YANG MEMPUNYAI LEBIH SEJUTA ANGGOTA DAN 8,000 CAWANGAN, AMATLAH SUKAR MALAH TIDAK MUNGKIN BAGI MT SENDIRI MENGAWAL MESYUARAT CAWANGAN SETIAP KALI IA DIADAKAN. -- LAGI.
1133MST 17 11 89

D685

U B884 AAB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR R R R

+SEMUANYA BOLEH MENJADI TIDAK SAH, TERMASUK PARTI JUGA, KERANA SATU-DUA ORANG ANTARA LEBIH SEJUTA ANGGOTA ATAU SATU-DUA ORANG YANG BUKAN ANGGOTA, YANG MENGHADIRI MESYUARAT DENGAN SENGAJA, ATAU MUNGKIN DENGAN TUJUAN TERTENTU,+ KATANYA.

+APAKAH INI DEMOKRASI? APAKAH ERTI SUARA RAMAI JIKA SEORANG DUA BOLEH MENIDAKKAN HAK SATU JUTA ORANG LAIN?+ KATANYA.

+KITA TIDAK MENYALAHKAN MAHKAMAH KERANA MEMBUAT KEPUTUSAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG,+ KATA BELIAU SAMBIL MENAMBAH BAHAWA RAKYAT, NEGARA DAN KERAJAAN JUGA MAHU HAKIM DAN MAHKAMAH BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG APABILA MEMUTUSKAN HUKUMAN.

JIKA WAKIL-WAKIL RAKYAT BOLEH MEMBATALKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH (MELALUI PINDAAN UNDANG-UNDANG DI PARLIMEN), MAKA SESIAPA PUN TIDAK AKAN PERCAYA LAGI KEPADA MAHKAMAH, KATA BELIAU.

SAMBIL MENINGATKAN SETIAP ANGGOTA SUPAYA SENTIASA BERPEGANG KEPADA PRINSIP DAN MATLAMAT PARTI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERATURAN MEMANG ADA UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN, MENGUBAH CORAK PENTADBIRAN, BAHKAH UNTUK MENUKAR MATLAMAT PARTI.

ANGGOTA UMNO TERIKAT KEPADA SATU KONTRAK UNTUK MENGUTAMAKAN SYARAT KEANGGOTAANNYA DAN JIKA MEREKA BERTINDAK DI LUAR DARIPADA PERJANJIAN ITU, MEREKA TELAH MUNGKIR JANJI DAN KEPERCAYAAN ORANG LAIN KEPADANYA AKAN HILANG.

-- LAGI.

1200MST 17 11 89

D691

U B887 AAB
MAHATHIR - UMNO 5 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEMATANGAN UMNO DALAM POLITIK TERBUKTI SEKALI LAGI APABILA SEBILANGAN BESAR KETUA BAHAGIAN MENANG TANPA BERTANDING KERANA CALON-CALON LAIN MENARIK DIRI UNTUK MENENTUKAN PARTI TIDAK BERPECAH DAN MENJADI LEMAH.

KITA MENDAPATI PEMILIHAN PEMIMPIN PADA MASA LAMPAU SERING MEMBAWA PERPECAHAN DAN MENJEJASKAN KEPIMPINAN PARTI DI PERINGKAT BAHAGIAN.

BELIAU JUGA MENYIFATKAN SEBAGAI +CETEK+ PENDAPAT BAHAWA CALON-CALON DALAM PILIHAN RAYA AKAN DATANG IALAH KETUA-KETUA BAHAGIAN.

OLEH SEBAB ITU MT TELAH MENASIHATI SUPAYA TIDAK ADA PERTANDINGAN KALI INI DAN PEMILIHAN PADA PERINGKAT CAWANGAN DAN BAHAGIAN DAPAT DIADAKAN SEMULA SELEPAS PILIHAN RAYA NANTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGGATKAN ANGGOTA UMNO SUPAYA TIDAK MEMBUAT UGUTAN UNTUK TIDAK MENYOKONG CALON PARTI JIKA TIDAK TERPILIH BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA.

+KITA HARUS INGAT BAHAWA TUJUAN PILIHAN RAYA DIADAKAN IALAH UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN,+ KATA PRESIDEN UMNO ITU DAN MENAMBAH, KEMENANGAN PARTI BERGANTUNG KEPADA SEMUA PIHAK DAN BUKAN KEPADA SATU KUMPULAN SAHAJA. -- LAGI.

1213MST 17 11 89

D701

U B892 AAB
MAHATHIR - UMNO 6 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARTI MESTILAH BEBAS MEMILIH WALAUPUN PEMILIHAN CALON SECARA +PAYUNG TERJUN+ TIDAK POPULAR, KATANYA.

+SEBAGAI SEORANG DARIPADA ANGGOTA PAYUNG TERJUN DALAM UMNO, SAYA SEDAR BAHAWA SAYA TIDAK AKAN BERADA DI TEMPAT INI KALAU SAYA TIDAK DIBENARKAN TERJUN KE KAWASAN KUBANG PASU SELEPAS KAWASAN TERJUN LAMA SAYA PENUH DENGAN 'PENGGANAS',+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERKATA PEMILIHAN CALON +PAYUNG TERJUN+ ITU TIDAK HARUS DIAMALKAN TERLALU KERAP KERANA ORANG TEMPATAN PERLU DIBERI PELUANG.

BELIAU BERKATA KERAJAAN DIBENTUK UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN KERAJAAN DAN ORANG TERTENTU.

+TETAPI JIKA RAKYAT TERSALAH PILIH, MAKA MEREKA AKAN MENDAPAT KERAJAAN DAN PARA PEMIMPIN YANG ASYIK UNTUK BERKUASA SAHAJA,+ KATANYA.

UMNO BERJAYA MENUBUHKAN KERAJAAN YANG MEMERINTAH SECARA ADIL DAN TERBUKTI BOLEH MEMBAWA KEBAHAGIAAN KEPADA RAKYAT.

UMNO DITUBUHKAN BUKAN UNTUK MENENTUKAN SESIAPA MENJADI PERDANA MENTERI, CALON ATAU MENDAPAT KEDUDUKAN, OLEH ITU ANGGOTA PARTI TIDAK HARUS +BERHEMPAS-PULAS+ UNTUK MENDAPATKAN TEMPAT DALAM UMNO.

SAMBIL MENINGGATKAN SUPAYA JANGAN ADA SESIAPA YANG CUBA MENCARI KESEMPATAN DARIPADA UMNO, BELIAU BERKATA UMNO MEMBERIKAN TEMPAT KEPADA MEREKA YANG DAPAT MENJAYAKAN CITA-CITA PARTI, ORANG MELAYU DAN NEGARA. -- BERNAMA.

1239MST 17 11 89